

SYARAT-SYARAT LESEN ALAT MENANGKAP IKAN SELAMBAU

1. Selambau mestilah ditahan di dalam kawasan yang dipohonkan dan yang telah pun dibenarkan oleh Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.
2. Selambau tidak boleh dipindah ke tempat-tempat lain.
3. Semasa memulakan operasi mestilah disaksikan oleh pegawai daripada Seksyen Penguatkuasaan, Jabatan Perikanan untuk memastikan kawasan penahanan seperti yang telah dibenarkan.
4. Tidak dibenarkan sama sekali beroperasi di kawasan-kawasan ternakan ikan dalam sangkar di Tanjung Pelumpong, Serasa, Pulau Kaingaran dan Buang Tawar.
5. Lampu isyarat mestilah dipasang di tiap-tiap penjuru selambau berkenaan.
6. Tuan-tuan punya Selambau mestilah menyediakan papan pengenalan seperti berikut:-

	30 cm												
15 cm	<table border="0" style="width: 100%;"><tr><td style="width: 20%;">Nama</td><td>:</td><td></td></tr><tr><td>Nombor Plit Lesen</td><td>:</td><td></td></tr><tr><td>Banyak Tahanan</td><td>:</td><td></td></tr><tr><td>Tempat Tahanan</td><td>:</td><td></td></tr></table>	Nama	:		Nombor Plit Lesen	:		Banyak Tahanan	:		Tempat Tahanan	:	
Nama	:												
Nombor Plit Lesen	:												
Banyak Tahanan	:												
Tempat Tahanan	:												

Papan pengenalan tersebut mestilah sentiasa ditempatkan (dilekatkan) di tempat selambau berkenaan yang boleh dilihat dan butir-butir mengenainya mestilah mengikut apa yang tertulis dalam lesen yang dikeluarkan.

7. Kebenaran lesen ini adalah sah bagi satu tahun sahaja. Pembaharuannya adalah bergantung kepada pengaruh Selambau tersebut keatas sumber-sumber perikanan Negara.
8. Tuan empunya Selambau hendaklah bertanggungjawab bagi membuka semula selambau yang tidak digunakan lagi dengan perbelanjaan ditanggung oleh tuan empunya Selambau berkenaan. Jika pemilik Selambau berkenaan gagal untuk membuka semua Selambau yang tidak digunakan lagi, Jabatan Perikanan berhak membuka semua Selambau berkenaan dan semua perbelanjaan bagi membuka Selambau berkenaan akan ditanggung oleh tuan empunya Selambau tersebut.
9. Sekiranya kawasan di mana Selambau yang dibenarkan tersebut dikehendaki oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia maka tuan empunya

Selambau hendaklah bersedia untuk mengosongkan kawasan tersebut pada bila-bila masa dikehendaki oleh Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama tanpa menuntut sebarang ganti rugi daripada pihak Kerajaan.

10. Pegawai-Pegawai Jabatan Perikanan Yang Diberikuasa mestilah dibenarkan untuk memeriksa Selambau tersebut pada bila-bila masa.
11. Tuan empunya Selambau atau pekerja-pekerjanya mestilah memberikan maklumat-maklumat setiap kali ianya dipinta oleh Pegawai-Pegawai Jabatan Perikanan yang Diberikuasa.
12. Tuan empunya Selambau yang gagal mematuhi syarat-syarat tersebut di atas akan didakwa di bawah Perintah Perikanan, 2009.
13. Tuan empunya Selambau mestilah mempunyai lesen perahu yang sah yang dikeluarkan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Kementerian Perhubungan Negara Brunei Darussalam.
14. Pengarah Perikanan berhak dan boleh menambah atau mengubah syarat-syarat ini mengikut keperluan dari masa ke semasa.
15. Syarat-syarat lain adalah seperti yang dikuatkuasakan dibawah Perintah Perikanan, 2009 dan Peraturan-Peraturan Perikanan yang ada

Saya dengan ini adalah bersetuju dengan syarat-syarat yang tersebut di atas:

Nama : _____

Jawatan : _____

Syarikat : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

Diluluskan oleh Pegawai Yang Diberikuasa :

Nama : _____

Jawatan : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

